

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 14 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 41

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1522-L20631
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan Madani di bawah PM-X mahu meletakkan SPRM di bawah Suruhanjaya Agensi Penguatkuasaan (EAIC), sebagai langkah untuk benar-benar mewujudkan badan bebas (SPRM), serta punya kuasa kawalan tatatertib efektif dan berkesan buat meningkatkan integriti dalam kalangan penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan.
2. PR-1522-L20504
Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bilangan projek perumahan PR1MA yang masih belum berjaya diserahkan kepada pembeli dan nyatakan bilangannya di setiap negeri serta sebab ianya masih belum dapat diserahkan kepada pembeli.
3. PR-1522-L19758
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat akan memperluas perlindungan sosial kepada golongan B40 dan memperuntukkan baucar untuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) supaya mereka dapat menyertai pelan perlindungan seperti Perlindungan Tenang pada tahun lepas.
4. PR-1522-L21002
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status jalan Sungai Lembing-Jerantut yang sepatutnya bermula pada tahun 2017, dengan anggaran kos sebanyak RM640 juta.

5. PR-1522-L19980
Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha serta perancangan Kementerian dalam menjaga kebajikan serta masa depan para veteran atlet yang telah mengharumkan nama negara terutamanya veteran atlet Paralimpik.
6. PR-1522-L20668
Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah penglibatan Kementerian bagi memajukan sukan bot air khususnya di Temerloh yang melibatkan penduduk tempatan dan mendapat sambutan daripada orang ramai.
7. PR-1522-L19580
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan pembaikpulihan sistem aliran ringan di Lembah Klang yang kerap mengalami kerosakan dan menyusahkan para pengguna.
8. PR-1522-L20303
Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apa perancangan Kementerian di dalam menentukan Veteran ATM mendapat kerjaya kedua dan berapa bilangan Veteran ATM yang masih menganggur.
9. PR-1522-L19920
Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan prestasi Program "2-Years Exit" dari segenap sudut dalam memenuhi kesemua objektif utamanya sejak diperkenalkan pada 2010 dan status terkini semua penerima bantuan sama ada benar-benar berdikari atau terus tercicir di samping rancangan untuk menambah inisiatif berpendekatan "*productive welfare*" lain.
10. PR-1522-L20402
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan jangka masa panjang Kementerian untuk meluaskan akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi agar wujud keseimbangan kehidupan dan kerja rakyat dalam negara.

11. PR-1522-L(5)00180

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan sudi dengan kerjasama Kerajaan Sarawakewartakan zon bebas cukai di kawasan perindustrian Kuala Baram dan Pelabuhan Miri bagi menarik pelaburan asing di Miri yang seterusnya akan membantu meningkatkan peluang ekonomi di wilayah utara Sarawak.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

12. PR-1522-L20395

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha menaik taraf perkhidmatan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dari segi jumlah anggota, logistik serta elaun anggota sukarelawan.

13. PR-1522-L20234

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah pencarum KWSP yang telah diluluskan permohonan pengeluaran fasa 2. Berapakah nilai yang telah diluluskan.

14. PR-1522-L20800

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah peranan sebenar agensi-agensi di bawah Kementerian seperti KESEDAR, KEDA, KETENGAH dan lain-lain dalam memaju dan meningkatkan ekonomi serta sosial bagi memberi kesejahteraan kepada penduduk yang terlibat dan apakah Kementerian berpuas hati dengan peranan agensi berkenaan.

15. PR-1522-L20560

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk menjadikan bandar Petaling Jaya sebagai hub koridor pengangkutan awam untuk LRT, MRT, *Bus mini* serta meluaskan jaringan Bus Rapid Transit (BRT) ke kawasan sekitar Petaling Jaya, Subang, Damansara dan Kuala Lumpur untuk mempertingkatkan jaringan pengangkutan awam.

16. PR-1522-L20294

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan tindakan terkini Kementerian di dalam membantu mempromosikan kawasan pelancongan yang banyak terdapat di Kelantan.

17. PR-1522-L19914

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif Kementerian agar tata kelola pelaksanaan projek berkaitan pembekalan di kawasan luar bandar di seluruh negara diberi keutamaan memandangkan dengan sekian banyaknya peruntukan yang telah diluluskan, masalah bekalan air masih lagi menjadi topik yang sangat popular di Parlimen saban tahun.

18. PR-1522-L20245

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kriteria yang digunakan untuk memilih ahli-ahli politik sebagai Pengerusi, Ahli Lembaga atau Jawatan Eksekutif ke syarikat atau Agensi Berkaitan Kerajaan, syarikat atau Agensi Milik Kerajaan dan Badan Berkanun.

19. PR-1522-L20074

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah terkini projek perumahan yang terbengkalai dan apa langkah yang diambil bagi mengatasinya.

20. PR-1522-L20475

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah kos yang dijangka dibelanjakan untuk Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri; dan
- (b) apakah Kerajaan akan memastikan kemudahan Kerajaan tidak disalahgunakan oleh parti pemerintah untuk tujuan kempen PRN kali ini.

21. PR-1522-L20609

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif FELDA dalam memudahkan proses penyelesaian hutang peneroka tanpa membebankan dan meningkatkan kos sara hidup golongan peneroka.

22. PR-1522-L20319

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawawi [Tumpat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia mewajibkan kursus keibubapaan kepada semua ibu bapa dan penjaga kanak-kanak dan memasukkan silibus Pendidikan Keibubapaan dan keluarga dalam arus Pendidikan Negara dalam menaja kebajikan kanak-kanak dan keluarga di Malaysia.

23. PR-1522-L20144

Tuan Chong Zhemín [Kampar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan meneruskan usaha untuk mencari serpihan MH370 memandangkan terdapat syarikat "*Ocean Infinity*" yang memberi komitmen untuk meneruskan carian serpihan MH370 berdasarkan tiada fi yang akan dikenakan jika carian tidak berjaya (*No search, no fee*).

24. PR-1522-L20635

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian punya rancangan untuk membangunkan Stesen Luar Pantai di Beting Petinggi Ali, buat meletakkan aset-aset tentera negara, seperti yang ada di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

25. PR-1522-L19684

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat banyak kereta rosak yang tersadai begitu lama di merata tempat khususnya di kawasan perumahan awam, tempat letak kereta awam malahan juga di tepi-tepi jalan. Keadaan ini telah menyulitkan orang ramai. Apakah langkah penyelesaian kepada masalah ini.

26. PR-1522-L20132

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat khususnya peminjam berikutan kenaikan OPR.

27. PR-1522-L20158

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam melindungi hak dan kesejahteraan atlet dan pekerja sukan, termasuk pengurusan kontrak dan hak cipta, serta memastikan tiada penyalahgunaan dadah dan perilaku tidak bermoral berlaku.

28. PR-1522-L20456

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang hasil perjumpaan beliau dengan syarikat teknologi tinggi digital, termasuk Facebook dan Google, berkaitan dengan pemulihan pengecualian kaboatag untuk syarikat berteknologi tinggi memperbaiki kabel dasar laut demi mengembalikan keyakinan pelabur dan menarik pelaburan berteknologi digital yang tinggi.

29. PR-1522-L19768
Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf jambatan sedia ada ke jambatan konkrit di perkampungan persisiran pantai di Parlimen Libaran.
30. PR-1522-L20100
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perolehan FA-50 pembuatan Korea dan kelebihanannya dari segi kos, teknikaliti, operasi dan offset program berbanding dengan JF-17 pembuatan Pakistan.
31. PR-1522-L20998
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme terbaru bagi menangani beban subsidi minyak yang terpaksa ditanggung Kerajaan serta nyatakan apakah Kerajaan memiliki formula untuk menurunkan harga minyak dalam masa terdekat.
32. PR-1522-L19726
Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab JPA menghentikan penajaan biasiswa untuk pelajar perubatan, pergigian dan farmasi di universiti tempatan pada tahun ini.
33. PR-1522-L19619
Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Baki Akaun Semasa Negara dalam Imbangan Pembayaran dari tahun 2017 hingga 2022.
34. PR-1522-L20885
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat usaha pihak Kerajaan untuk mewajibkan pengusaha pakej pelancongan membawa pelancong ke lokasi bersejarah tertentu atau lokasi kraftangan tempatan Malaysia sepertimana Pakej Pelancongan di China yang mewajibkan pelancong melawat produk tempatan seperti batu jed, produk daun teh China dan industri buluh negara itu.
35. PR-1522-L20578
Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memudahkan proses undi pos bagi pengundi yang tinggal di luar negara.

36. PR-1522-L20779

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menyelaraskan pencen veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

37. PR-1522-L19521

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana kandungan modul Penghayatan Pendidikan Islam yang akan dilaksanakan di Tabika Kemas seluruh negara dengan memberi penekanan terhadap ibadah dan pengajian Al-Quran disusun mengikut kesesuaian intelektual kanak-kanak.

38. PR-1522-L20930

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan Madani memilih enam (6) buah negeri sebagai lokasi Majlis Rumah Terbuka Aidil Fitri 2023 dan berapakah kos yang dibelanjakan mengikut negeri-negeri tersebut.

39. PR-1522-L20167

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan Kerajaan untuk mengembalikan kuota 35% kerusi Parlimen kepada Sabah dan Sarawak yang termaktub melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bagi memastikan dana pembangunan Parlimen dapat disalurkan kepada Sabah dan Sarawak yang meliputi kawasan yang luas.

40. PR-1522-L20535

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah memperhalusi semula bilangan anggota Dewan Negara supaya lebih seimbang di antara wakil Dewan Undangan Negeri dengan lantikan Yang di-Pertuan Agong.

41. PR-1522-L19883

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bantuan yang Kementerian telah belanjakan kepada masyarakat di Parlimen Kudat melalui bantuan kebajikan melibatkan perbelanjaan kos rawatan di hospital. Seperti kos pembedahan, kos perubatan, bantuan kerusi roda, bantuan kaki palsu, dan sebagainya.

42. PR-1522-L20324

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Naww [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi membina satu terminal bersepadu stesen Kereta Api Wakaf Bharu yang sepadan dengan perkembangan semasa selari dengan perkembangan ECRL di Tumpat.

43. PR-1522-L20195
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan jangka panjang untuk pembangunan ekonomi dan pendidikan bagi masyarakat Orang Asli di Sungai Siput.
44. PR-1522-L20996
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah holistik yang telah dirangka bagi membantu rakyat khususnya golongan B40 yang terbeban dan tertekan dengan kenaikan terbaharu kadar OPR.
45. PR-1522-L19850
Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menguruskan jumlah warga emas yang semakin meningkat. Malaysia dijangka mencapai status 'negara tua' menjelang tahun 2030 apabila 15.3% daripada populasinya berumur 60 tahun dan ke atas.
46. PR-1522-L20429
Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status terkini pencapaian Pelan Antirasuah Nasional (NACP 2019-2023) dan pelaksanaan 111 inisiatif yang ditetapkan; dan
 - (b) cadangan pembubaran Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional.
47. PR-1522-L19622
Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) isu penjualan Iskandar Malaysia Studio (IMS) kepada Syarikat GHY Culture & Media Holding Co. Ltd; dan
 - (b) berapa jumlah pelaburan yang dibuat oleh Khazanah Nasional dan jumlah dana yang diberikan oleh Kerajaan sejak 2009 sehingga ianya dijual kepada syarikat Singapura tersebut dan keuntungan atau kerugian yang ditanggung Khazanah di atas penjualan IMS kepada syarikat tersebut.

48. PR-1522-L20975

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan program khas dan bentuk bantuan untuk membantu golongan wanita, terutamanya golongan ibu tunggal di kawasan luar bandar wilayah Sarawak.

49. PR-1522-L19978

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu ibu tunggal, bapa tunggal serta keluarga tunggal terutamanya dari aspek kewangan, psikologi dan bantuan-bantuan lain demi kelangsungan hidup golongan ini.

50. PR-1522-L20355

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pemberian bantuan kepada mangsa banjir yang terjejas walaupun tidak berpindah ke Pusat Penempatan Sementara (PPS) khususnya di negeri Kelantan.

51. PR-1522-L19717

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kali sesi libat urus di adakan antara Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Perbadanan Pengangkutan Johor (PAJ) untuk meningkatkan efisien perkhidmatan bas berhenti-henti di Johor. Apakah penghasilan sesi libat urus antara dua agensi tersebut untuk menyelaraskan laluan MyBas dan Bas Muafakat Johor.

52. PR-1522-L19484

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kualiti sektor perkhidmatan awam Malaysia.

53. PR-1522-L20493

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana penglibatan Menteri Agama melalui agensi dan jabatan yang berkaitan terlibat bekerjasama rapat untuk menjadi pemantau dan penasihat terutama bagi isu-isu nasional seperti alam sekitar di negara ini.

54. PR-1522-L20445

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan AirAsia dan AirAsiaX yang kini dikategorikan oleh Bursa Malaysia sebagai syarikat PN17 dan sama ada ia menjejaskan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kos penerbangan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

55. PR-1522-L20419

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah Pendidikan Islam di kalangan pelajar memandangkan kekurangan sekolah agama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan bantuan per kapita untuk sekolah agama seluruh negara terutama sekolah KAFA.

56. PR-1522-L19681

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) dan cadangan meluaskan kelayakan pendaftaran e-Kasih merangkumi B10 dan B20 supaya agensi Kerajaan berkaitan dapat menggunakan senarai ini bagi penyampaian manfaat berdasarkan dua julat pendapatan isi rumah yang berbeza.

57. PR-1522-L20757

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Madani terhadap pindaan dan pelaksanaan penelitian semula terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau RUU 355 ini.

58. PR-1522-L19730

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah program yang telah dicadangkan oleh Kementerian sempena menyambut Ulang Tahun Ke-150 Tahun Bandar Taiping pada tahun 2024. Berapa peruntukan yang bakal disalurkan.

59. PR-1522-L19633

Kapten Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data lengkap keperluan kenaikan had persaraan sehingga umur 65 tahun, berikutan cadangan tersebut dilihat seakan membantutkan kenaikan pangkat bagi PTD yang sedang berkhidmat serta peluang kemasukan bakal pemohon pekerja perkhimatan awam lepasan graduan kolej dan universiti yang dilihat lebih "*fresh*" serta muda.

60. PR-1522-L20494

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa skor Indeks Syariah Malaysia mengikut lapan bidang utama yang dijadikan ukuran pematuhan Indeks Syariah Malaysia bermula tahun 2018-2022.

61. PR-1522-L20597

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan menaik taraf (memasang atap) gelanggang serbaguna (futsal) yang sedia ada di kawasan Parlimen Sipitang untuk keselesaan pengguna terutama belia.

62. PR-1522-L20348

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk kerjasama dan kolaborasi Kerajaan merentas pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta para penggiat industri untuk memastikan pembangunan ekopelancongan yang mampan dan berdaya saing.

63. PR-1522-L19668

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah warga emas berumur 60 tahun dan ke atas dapat diberikan elaun bulanan sehingga meninggal dunia. Sekiranya tidak, apakah bantuan baru yang dapat diberikan kepada golongan tersebut.

64. PR-1522-L20944

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah yang telah dibelanjakan untuk penjenamaan Kerajaan Madani sehingga hari ini, antaranya untuk '*billboard*' (papan iklan) mega mempromosikan YAB Perdana Menteri yang telah muncul di seluruh negara serta perinciannya.

65. PR-1522-L20394
Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan untuk merundingkan semula geran perkapita kepada negeri-negeri supaya selaras dengan peningkatan kos sara diri dan inflasi semasa.
66. PR-1522-L20342
Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif terkini Kementerian untuk mengekang jenayah seksual secara tersembunyi atau aktiviti sisi gelap dalam kalangan anak muda terutama melalui platform media sosial seperti Facebook dan Twitter.
67. PR-1522-L19565
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar pendedahan Miriam Mokhtar baru-baru tentang tentang kewujudan satu usaha sulit menukar agama tertentu di Malaysia yang dijenamakan sebagai "Projek Cinta" dan jika benar, apakah pendirian Kerajaan Perpaduan tentang usaha tersebut.
68. PR-1522-L20949
Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) tentang penggunaan *vape* yang memberikan kesan kepada kesihatan.
69. PR-1522-L20474
Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peranan Kementerian di peringkat Persekutuan berhubung cadangan pembukaan kasino yang ingin dibuka di Sarawak khususnya berkaitan permohonan kelulusan lesen pengoperasian aktiviti perjudian.
70. PR-1522-L20655
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai terkini lantikan politik yang memegang jawatan pengerusi dan ahli lembaga pengarah di semua agensi Kerajaan, badan berkanun, perbadanan milik Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan IPTA.

71. PR-1522-L19843

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak dan kesan daripada Dasar 1% Orang Kurang Upaya (OKU) yang bertujuan untuk memastikan 1% pejawat awam merupakan golongan OKU, yang telah dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk semua Kementerian pada 2022 sepertimana di umumkan oleh bekas Perdana Menteri Ismail Sabri, serta pecahan ataupun purata pejawat awam yang merupakan OKU, gred jawatan dan bidang kerjaya mereka.

72. PR-1522-L20934

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan untuk menambah bilangan Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada tiga (3) orang berdasarkan Perkara 45(4)(a) Perlembagaan Persekutuan.

73. PR-1522-L20022

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap persiapan Kerajaan untuk memastikan kelancaran enam Pilihan Raya Negeri (PRN) dan implikasi kewangan yang bakal terlibat serta strategi untuk memastikan kadar peratusan keluar mengundi tinggi.

74. PR-1522-L20489

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah penyewa yang berumur 50 tahun dan ke atas, di unit-unit perumahan sosial (PPR) di Malaysia, daripada tahun Januari 2020 sehingga Disember 2022.

75. PR-1522-L20872

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelaksanaan Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (W.P. Labuan) 2016 oleh Perbadanan Labuan kepada premis restoran dan salon dengan kadar RM10 per kaki persegi bagi keluasan yang melebihi 1800 kaki persegi dengan bayaran maksimum yang dikenakan adalah RM 1800 setahun.

76. PR-1522-L21005

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersetuju sekiranya tempoh pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) difleksibelkan agar lesen dapat diperbaharui tidak tertakluk kepada 6 ataupun 12 bulan sahaja, bagi meringankan pemandu *e-hailing*.

77. PR-1522-L19900

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman akan mempertimbangkan melantik peguam yang berpengalaman dan cekap sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sementara untuk membantu mengurangkan kes jenayah yang tertunggak, khasnya kes pembunuhan dan mengedar dadah kerana pada masa sekarang didapati bahawa sesetengah petuduh akan ditahan reman sehingga tiga tahun sebelum perbicaraan bermula.

78. PR-1522-L20533

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persiapan terkini pembentangan pindaan Akta 355 di Parlimen.

79. PR-1522-L20102

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah cadangan Kementerian di dalam menyelesaikan isu-isu infrastruktur di Sabah terutamanya berkenaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan baikpulih rumah daif terutamanya di kawasan parlimen yang luas seperti Parlimen Kinabatangan.

80. PR-1522-L19954

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah perkuburan bukan Islam di Kuala Lumpur. Apakah Kerajaan membenarkan penubuhan kolumbarium untuk meletakkan abu mayat yang dibakar di tanah perkuburan kristian di Cheras.

81. PR-1522-L20954

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prosedur standard bagi kenaikan pangkat penjawat awam terutama sekali bagi mereka yang dicadangkan bagi gred JUSA.

82. PR-1522-L19607

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Bajet 2023 memperuntukkan RM6.7 bilion untuk platform memperkasa belia dan mempromosi TVET sebagai pilihan pengajian, berapa peruntukan Kementerian untuk belia dari Wilayah Sabah yang telah jauh tertinggal dengan migrasi keluar seramai 200,000 setahun (sumber Institute For Development Studies Sabah).

83. PR-1522-L20325

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pihak manakah yang menentukan harga sewaan gerai-gerai di Tapak Niaga sepanjang LIMA 2023 berlangsung, mengapa harga yang ditawarkan amat tinggi bagi peniaga-peniaga di Langkawi untuk mengambil bahagian.

84. PR-1522-L19928

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah negeri yang mempunyai dewan undangan negeri yang dipimpin oleh seorang Ketua Menteri mengambil kira jumlah penduduk Kuala Lumpur 1.8 juta orang bersamaan dengan 5.9% dari jumlah warganegara Malaysia (30.2 juta).

85. PR-1522-L19856

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tugas sebenar Pasukan Khas Petugas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dipengerusi oleh Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan berapa lama masa yang diperlukan supaya laporan dapat dibentangkan di Parlimen.

86. PR-1522-L20711

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa berlaku kelewatan meluluskan permohonan FSA2 KWSP dan apa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pencarum yang mempunyai dana yang besar dalam Akaun 1 KWSP tetapi tidak dapat mengeluarkannya kerana tidak dibenarkan oleh Kerajaan.

87. PR-1522-L20860

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) strategi terkini Kerajaan dalam usaha memperkasa mutu pendidikan tahfiz selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) 2.0 yang dilancarkan baru-baru ini; dan
- (b) perincian penuh peruntukan dan nilai sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada institusi-institusi tahfiz yang berdaftar dan tidak berdaftar.

88. PR-1522-L19557
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian dan status prestasi Pelan Tindakan OKU 2016 khususnya akses golongan OKU kepada bangunan, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam.
89. PR-1522-L20512
Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan agar Peguam Negara tidak menarik balik kes profil tinggi yang sedang dibicarakan di mahkamah.
90. PR-1522-L20624
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen dan pendirian Kerajaan untuk meminda Seksyen 6(4), Seksyen 6(6) dan Seksyen 7 Akta Kemajuan Petroleum 1974 untuk mengehadkan kuasa budi bicara Perdana Menteri dan menjadikan Petronas lebih bertanggungjawab kepada Parlimen.
91. PR-1522-L20413
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan berhubung isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) yang mana komitmen untuk meneruskan siasatan dan membuat pendakwaan terhadap pihak yang bertanggungjawab telah diberikan oleh Kerajaan.
92. PR-1522-L19835
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk memperhalusi mekanisme sistem undi pos untuk proses pilihan raya yang akan datang seperti (PRU, PRN, PRK) khususnya bagi membantu golongan pelajar tempatan yang berada di IPT dalam negara yang mempunyai kekangan masa dan kewangan untuk pulang mengundi ke lokaliti kawasan masing-masing.
93. PR-1522-L20547
Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dari aspek agama bagi memastikan remaja lepasan sekolah menengah supaya tidak mudah terjebak dengan aktiviti yang merosakkan akhlak dan akidah Islam dan nyatakan pusat-pusat pemulihan aqidah yang ada di negara ini.

94. PR-1522-L20488

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah demografi penyewa di unit-unit perumahan sosial (PPR) di Malaysia, daripada tahun Januari 2020 sehingga Disember 2022.

95. PR-1522-L20374

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan gaji minimum penjawat awam kepada RM1,800 seperti yang dituntut oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bagi mendepani cabaran kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

96. PR-1522-L20208

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan untuk melaksanakan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi penjawat awam, terutamanya bagi mereka yang berkerja berkaitan dengan proses kerja melalui sistem yang dapat mengurangkan kos operasi seterusnya mengurangkan kos berkaitan.

97. PR-1522-L20468

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan secara spesifik untuk meningkatkan pencapaian pendidikan Orang Asli; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan semula sekolah-sekolah berasrama bagi pelajar-pelajar sekolah menengah Orang Asli seperti sebelum ini.

98. PR-1522-L19996

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada permohonan satu ramp menurunkan bot dibina di tepi Sungai Sarawak Kanan di Pekan Siniawan serta dua unit bot dolphine untuk kegunaan Balai Bomba Dan Penyelamat Bau sewaktu bencana banjir dapat dipertimbangkan.

99. PR-1522-L20189

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme tertentu yang diperlukan bagi memastikan semua Ahli Parlimen termasuk Pembangkang diberi kebebasan untuk berurusan dengan semua pejabat dan agensi Kerajaan Persekutuan.

100. PR-1522-L20760

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar-dasar yang ingin ditambah baik di bawah perancangan untuk pindaan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dan bilakah RUU ini dijangka akan dipinda.

101. PR-1522-L19734

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membuat pindaan terhadap Seksyen 9(m) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan Dan Kuasa) 1952 untuk membolehkan prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dijalankan secara siaran langsung dan terbuka.

102. PR-1522-L20871

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam keadaan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya mengapa agensi-agensi seperti Perbadanan Labuan (PL) dan Labuan Financial Services Authority (LFSA) menaikkan kadar sewa premis - premis perniagaan yang di bawah kawalan selia agensi tersebut di mana ianya tidak sejajar dengan hasrat Perdana Menteri untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang terkesan akibat daripada pandemik COVID-19.

103. PR-1522-L19704

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini mengenai pengisytiharan aset Menteri dan Timbalan Menteri kepada SPRM bagi memastikan lebih ketelusan dan akauntabiliti bagi ahli politik. Adakah SPRM akan memaparkan informasi tersebut di Portal Pengisytiharan Aset SPRM.

104. PR-1522-L19811

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) mengapakah masih terdapat satu kekosongan di Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) walaupun kekosongan tersebut telah berlarutan lebih 6 bulan; dan
- (b) adakah Kerajaan bersetuju bahawa Parlimen, melalui Jawatankuasa Pilihan Khas, berkuasa memantau dan mencadangkan lantikan ahli-ahli SPR kepada Kerajaan untuk pertimbangan Yang di-Pertuan Agong.

105. PR-1522-L20015

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak khususnya mengenai autonomi pendidikan dan kesihatan.

106. PR-1522-L19947

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kerajaan dapat meluluskan permohonan peruntukan bagi menaik taraf Pejabat Residen Miri (lama) yang terletak di Pusat Bandaraya Miri sebagai satu bangunan warisan serta pusat kebudayaan dan kesenian seterusnya menjadi salah satu destinasi pelancongan yang utama di Miri.

107. PR-1522-L19770

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tempoh masa untuk menyiapkan kajian semula program MM2H dan sama ada Jemaah Menteri merancang untuk memindah program ini ke bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

108. PR-1522-L21048

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan negara; dan
- (b) apakah dasar, hala tuju dan pelan strategik Kerajaan untuk mengemilangkan Malaysia sebagai "*Asian Tigers*" semula.

109. PR-1522-L20717

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap peranan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) yang dipindahkan dari KKD ke PMO sebelum ini, supaya ia tidak dikaitkan dengan sebarang agenda kepartian dan apakah Ketua Pengarah J-KOM sebagai penjawat awam boleh membuat kenyataan berbentuk kepartian.

110. PR-1522-L19630

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan terkini berkaitan pemerkasaan ekonomi dan taraf hidup penjawat awam berikutan keperluan mendesak agar sebuah kajian semakan gaji penjawat awam dan COLA kawasan harus diwujudkan bagi menangani perbezaan jurang kos perbelanjaan di antara mereka yang bertugas di bandar dan di luar bandar.

111. PR-1522-L19510

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah seorang warganegara Malaysia dapat menyeludup 22 ekor ular hidup ke India.

112. PR-1522-L20256

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah yang telah dilulus dan dibelanjakan oleh Kementerian untuk sekolah-sekolah persendirian Cina dan India dan sekolah-sekolah persendirian lain sejak Kerajaan campuran ini mengambil alih tampuk pemerintahan negara.

113. PR-1522-L20361

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi membendung penipuan (*scam*) sama ada atas talian atau secara langsung yang semakin menjadi-jadi malah ada antara mereka menggunakan nama dan uniform agensi/jabatan Kerajaan bagi menipu rakyat.

114. PR-1522-L20536

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status permohonan membina masjid baharu di Kampung Bukit Lada, Mukim Jenderak 1, Temerloh (DUN Kerdau) serta peruntukan pembinaan yang sudah dimohon pada 25 Oktober 2021 melalui surat rasmi, namun masih tiada jawapan dari pihak Kementerian.

115. PR-1522-L19830

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional penjualan Iskandar Malaysia Studio kepada Konsortium GHY dengan harga begitu murah iaitu RM32 juta setelah Kerajaan melabur dan telah memberi geran RM250 juta sejak dari mula.

116. PR-1522-L20992

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) bagaimana peningkatan kadar bunga yang berterusan oleh *US Federal Reserve* yang dijangka mencecah 5% - 5.2% akan memberi impak kepada sektor ekonomi negara ; dan

- (b) apakah perancangan atau dasar Kerajaan bagi membantu sektor-sektor yang terkesan akibat daripada kadar peningkatan yang berterusan ini.

117. PR-1522-L20423

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keselamatan Siber.

118. PR-1522-L20467

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mempelopori penggunaan Dinar Emas serta sistem barter dalam perdagangan sesama negara Muslim seperti mana negara China yang sedang berbincang dengan negara Arab Saudi untuk menggunakan mata wang Yuan dalam transaksi jualan minyak.

119. PR-1522-L19990

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan hanya mendakwa ramai warga asing yang terlibat dalam skim penipuan (*scammer*) di Malaysia dengan kesalahan imigresen dan menghantar mereka pulang ke negara asal mereka dan mereka tidak didakwa terlibat dalam penipuan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

"**Bahawa** Dewan ini, membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi tahun 2020 (Kertas Status ST.140 Tahun 2023) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 25 Mei 2023, untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini;

memperakui bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

menyedari bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperoleh maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk di beri penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkukuhkan lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik dalam kalangan rakyat;

mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangani dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

menyokong kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

Bahawa dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [13 Jun 2023]

2. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :

"**Bahawa** Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Bahawa Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untuk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan.

Bahawa Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara.

Bahawa Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (*Whole of Nation*) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

Bahawa Dewan ini meluluskan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 12 Jun 2023."

3. (D.R. 23/2023) Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

4. (D.R 24/2023) Rang Undang-Undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2023. "

[Menteri Kewangan]

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa mengikut peruntukan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM27,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sehingga akhir Mei tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.120, ST.121, ST.122, ST.123, ST.124, ST.133, ST.135, ST.136 bagi tahun 2023 disahkan."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 7(2), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.38 bagi tahun 2023 disahkan."

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91I(2) dan subseksyen 91U(2), subseksyen 91DA(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.125, ST.126, ST.127, ST.129, ST.130, ST.134 bagi tahun 2023 disahkan."

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.128 bagi tahun 2023 disahkan."

10. PR-1522-U(27)254

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

11. PR-1522-U(27)255

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

12. PR-1522-U(27)256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasakan golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

13. PR-1522-U(27)257

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

14. PR-1522-U(27)258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

15. PR-1522-U(27)259

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

16. PR-1522-U(27)260

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

17. PR-1522-U(27)261

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1522-U(27)262

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

19. PR-1522-U(27)263

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Menteri Sumber Manusia]

20. PR-1522-U(27)264

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1522-U(27)265

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

22. PR-1522-U(27)266

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

23. PR-1522-U(27)267

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

24. PR-1522-U(27)246

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

[Menteri Sumber Manusia]

25. PR-1522-U(27)247

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasarkan serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

26. PR-1522-U(27)248

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimport telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

27. PR-1522-U(27)249

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "*credit shell*" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana- mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "*redemption of credit shell*" demi melindungi kepentingan penumpang."

[Menteri Pengangkutan]

28. PR-1522-U(27)251

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

[Menteri Kewangan]

29. PR-1522-U(27)252

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebajikan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

[Menteri Ekonomi]

30. PR-1522-U(27)253

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjejaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

[Menteri Kewangan]

31. PR-1522-U(27)250

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesa Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parlimen Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parlimen."

[Perdana Menteri]

32. PR-1522-U(27)268

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] akan mencadangkan :

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

[Perdana Menteri]

33. PR-1522-U(27)269

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula struktur tempoh latihan industri dalam kurikulum pengajian tinggi, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani isu pengangguran graduan universiti yang semakin membimbangkan. Isu ini seringkali timbul kerana ketidaksesuaian antara kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah mengubah tempoh latihan industri sebahagian kursus yang sedia ada selama enam bulan kepada tiga tempoh dua bulan yang berasingan dan ia akan dijalankan pada tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian. Langkah ini akan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berperingkat, memastikan peralihan yang lebih lancar ke dunia pekerjaan, dan juga memudahkan pihak universiti untuk menerima maklum balas daripada majikan mengenai keberkesanan silibus kursus pengajian yang diterapkan. Dengan adanya pembaharuan struktur latihan industri ini, graduan yang lebih berpotensi dan berkemahiran akan dihasilkan, serta lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kita perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan graduan kita lebih bersedia dan berdaya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan, dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan."

[Menteri Pendidikan Tinggi]

34. PR-1522-U(27)270

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan hotline 24 jam, yang dikelola dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Bomba, SWCORP, khususnya untuk mengatasi isu pembakaran terbuka di kawasan perumahan. Penguatkuasaan yang efektif amat penting untuk mengelakkan palaku terus melakukan kesalahan pembakaran terbuka yang akan merosakkan alam sekitar dan menyebabkan kesihatan orang awam terjejas. Oleh itu, prosedur untuk melaporkan dan mengambil tindakan perlu dipermudahkan. Pengadu hanya perlu menghantar bukti seperti rakaman gambar atau video, masa dan tarikh kejadian, serta maklumat lain seperti no plat kenderaan atau alamat tempat tinggal (jika ada) melalui hotline tersebut. Dengan bukti tersebut, saman boleh dikeluarkan dengan serta -merta kepada pesalah.

Proses ini seharusnya dijalankan dengan cara yang serupa dengan proses saman trafik, dengan melibatkan bukti visual daripada kejadian tersebut. Sebarang bantahan terhadap saman boleh dibawa kepada SWCORP dan kes juga boleh dibicarakan dalam mahkamah.

Tindakan yang tegas dan berkesa perlu diambil terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka demi kesejahteraan alam sekitar kita."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

35. PR-1522-U(27)271

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengadakan perbincangan dengan pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan dan membantu golongan berpendapatan rendah. Usul ini merujuk kepada pengurusan makanan yang hampir mencapai tarikh luput.

Cadangan ini melibatkan makanan yang masih selamat dimakan seperti makanan dalam tin dan makanan berbungkus yang berada dalam keadaan baik, sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh luput, serta makanan hasil segar yang belum menunjukkan tanda-tanda pereputan. Makanan-makanan tersebut boleh didermakan kepada bank makanan yang sedia ada di kawasan tempatan, untuk kemudian diedarkan kepada golongan B40.

Langkah ini bukan sahaja membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan akses kepada makanan, tetapi juga secara tidak langsung mengurangkan kadar sisa makanan yang berlaku dalam industri penjualan runcit makanan di negara kita. Ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan dalam mengekalkan kelestarian alam dan mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar. Kerajaan, pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan, serta komuniti dapat bekerjasama dalam usaha ini untuk mengurangkan pembaziran dan membantu rakyat yang memerlukan. Dengan cara ini, kita dapat membantu memastikan bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi dan berkualiti."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

36. PR-1522-U(27)272

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkatkan pemantauan dan efisien untuk memperbaiki jalan raya yang berlubang dan menaik taraf jalan raya di seluruh negara, khususnya dalam konteks keselamatan penunggang motosikal dan basikal.

Jalan raya berlubang adalah suatu isu yang serius, dan telah menjadi punca kepada peningkatan risiko kemalangan, terutamanya kepada penunggang motosikal dan basikal, dan lebih-lebih lagi pada waktu malam. Banyak kes kematian dan cedera parah telah dilaporkan akibat daripada jalan raya yang berlubang ini, seringkali melibatkan golongan warga tua yang tidak dapat mengelak dalam masa yang singkat.

Kerajaan harus mengambil langkah-langkah proaktif dan memberi keutamaan kepada isu keselamatan jalan raya ini, terutamanya dalam konteks penunggang motosikal dan basikal bagi mengurangkan risiko kemalangan dan melindungi keselamatan pengguna jalan raya."

[Menteri Kerja Raya]

37. PR-1522-U(27)273

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membuat persiapan untuk mengurangkan impak negatif bekalan makanan yang mungkin berlaku berikutan cuaca ekstrem di negara kita.

Peristiwa cuaca ekstrem ini dijangka berterusan sehingga bulan September, dengan kemungkinan mencapai kemuncaknya pada bulan Ogos. Laporan Moody's telah menyatakan hasil tanaman, khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan, mungkin akan berkurangan yang mungkin menyebabkan situasi di mana permintaan melebihi penawaran. Ini secara tidak langsung boleh memberi impak yang signifikan kepada kos hidup rakyat.

Kerajaan perlu merancang dan mengurangkan risiko kekurangan makanan, serta dapat bertindak dengan lebih cepat dan berkesan apabila berhadapan dengan kemungkinan situasi tersebut. Langkah ini amat penting untuk memastikan keselamatan makanan rakyat Malaysia tidak terjejas oleh peristiwa cuaca ekstrem."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

38. PR-1522-U(27)274

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan semula syarat Program Malaysia My Second Home (MM2H), khususnya menurunkan semula syarat pendapatan bulanan dari RM40,000 ke RM10,000 dengan tujuan untuk meningkatkan permohonan MM2H.

Kos sara hidup di Malaysia yang jauh lebih rendah berbanding di negara maju seperti Japan, Korea, China, Amerika Syarikat, Hong Kong, India merupakan faktor utama yang menarik minat warganegara asing untuk melabur dan menetap di sini. Bagaimanapun, syarat ketat MM2H telah mengurangkan minat mereka untuk melabur dan menetap di negara kita.

Ini jugak secara tidak langsung dapat membantu menyelesaikan masalah penawaran yang melebihi permintaan dalam sektor hartanah mewah di Malaysia."

[Menteri Dalam Negeri]

39. PR-1522-U(27)275

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memastikan infrastruktur Tenaga Nasional Berhad (TNB) berada dalam keadaan baik dan mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung penggunaan elektrik yang meningkat ketara terutamanya semasa tempoh cuaca ekstrem.

Situasi cuaca ekstrem sekarang telah menyebabkan penggunaan elektrik meningkat secara mendadak, terutamanya penggunaan pendingin hawa, kipas dan peralatan lain untuk mengekalkan paras suhu yang selesa ketika cuaca panas. Ini mungkin meletakkan tekanan tambahan kepada infrastruktur sedia ada.

Keadaan ini memerlukan kita memastikan infrastruktur TNB yang berkaitan, seperti pencawang, kabel elektrik, menara kabel elektrik bervoltan tinggi berada dalam keadaan yang baik dan dapat menampung penggunaan elektrik yang tinggi. Sekiranya tidak, ini boleh mengakibatkan gangguan bekalan elektrik yang boleh membawa kesulitan dan ketidakselesaan bagi rakyat, terutama dalam situasi cuaca ekstrem."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2021	14 Jun 2023
ST. 141	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2021	14 Jun 2023
ST. 148	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia (BNM) Bagi Tahun 2022	14 Jun 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 14.06.2023 (Rabu)	1. YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)	1. Isu Saluran Air pada Waktu Perayaan di Parlimen Parit Sulong	1. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
2. 14.06.2023 (Rabu)	2. YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)	2. Perubahan Iklim dan Cuaca di Malaysia	2. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
3. 14.06.2023 (Rabu)	3. YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	3. Kerosakan Fasiliti dan Isu Tenaga Pengajar di Sekolah Sukan Bukit Nenas, Setiu	3. YB Menteri Pendidikan
4. 14.06.2023 (Rabu)	4. YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	4. Keperluan Pembinaan Pondok Polis Alor Lek	4. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**